

# NASONIDE NASAL SPRAY

Triamcinolone Acetonide 55mcg/dose

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan NASONIDE NASAL SPRAY
2. Bagaimana NASONIDE NASAL SPRAY berfungsi
3. Sebelum mengambil NASONIDE NASAL SPRAY
4. Cara menggunakan NASONIDE NASAL SPRAY
5. Semasa menggunakan NASONIDE NASAL SPRAY
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan NASONIDE NASAL SPRAY
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang NASONIDE NASAL SPRAY. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil NASONIDE NASAL SPRAY berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemesyikilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

**Apakah kegunaan NASONIDE NASAL SPRAY**  
NASONIDE NASAL SPRAY digunakan untuk merawat hidung gatal atau berair, bersin atau lain-lain simptom disebabkan oleh rinitis alergi (radang membran mukus hidung akibat tindak balas

alergi) bermusim dan perenial (berlaku sepanjang tahun).

NASONIDE NASAL SPRAY sesuai untuk orang dewasa dan kanak-kanak umur 2 ke atas.

## Bagaimana NASONIDE NASAL SPRAY berfungsi

NASONIDE NASAL SPRAY mengandungi bahan aktif *triamcinolone acetonide*.

NASONIDE NASAL SPRAY tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai kortikosteroid (steroid) yang mempunyai fungsi anti-radang. Semburan dalam jumlah yang kecil ke dalam hidung anda dapat membantu mengurangkan bengkak dan kerengsaan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum mengambil NASONIDE NASAL SPRAY

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil NASONIDE NASAL SPRAY sekiranya:

- Anda mempunyai alahan ataupun kesan sampingan kepada mana-mana bahan yang berkaitan dengan ubat ini.
- Jika tarikh luput telah tamat.
- Jika bungkusan koyak ataupun menunjukkan tanda-tanda kerosakan

### -Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda tentang:

- Tahap kesihatan anda atau alahan yang mungkin ada, dan apa-apa fakta yang penting tentang kesihatan anda.

Kebantuan pertumbuhan telah dilaporkan pada kanak-kanak yang mengambil kortikosteroid melalui hidung. Adalah disyorkan untuk memantau ketinggian kanak-kanak yang menerima rawatan berpanjangan dengan ubat ini.

Kehamilan dan menyusuan badan:

- Penggunaan NASONIDE NASAL SPRAY tidak digalakkan sewaktu hamil atau menyusukan bayi melaninkan manfaat kepada ibu tidak memberi risiko kepada bayi.
- *Triamcinolone acetonide* mungkin meresap ke dalam susu ibu. Tanya doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan NASONIDE NASAL SPRAY

### -Berapa banyak harus digunakan

Jika anda telah diberikan NASONIDE NASAL SPRAY oleh doktor anda, sila ikut arahan doktor.

## Umur 12 tahun dan ke atas:

Dos permulaan yang disyorkan ialah 220 $\mu$ g sekali sehari (2 semburan dalam setiap lubang hidung). Setelah gejala dapat dikawal, dos boleh dikekalkan pada 110 $\mu$ g sekali sehari (1 semburan dalam setiap lubang hidung)

## Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:

Dos permulaan yang disyorkan ialah 110 $\mu$ g sekali sehari (1 semburan dalam setiap lubang hidung). Untuk gejala yang lebih teruk, dos sebanyak 220 $\mu$ g sekali sehari (2 semburan dalam setiap lubang hidung) boleh digunakan. Walaubagaimanapun, sekiranya gejala dapat dikawal, dos hendaklah dikekalkan pada dos rendah yang paling efektif.

# NASONIDE NASAL SPRAY

Triamcinolone Acetonide 55mcg/dose

## Kanak-kanak umur 2 hingga 5 tahun:

Dos yang disyorkan dan maksimum ialah 110 µg sekali sehari (1 semburan dalam setiap lubang hidung).

NASONIDE NASAL SPRAY tidak disyorkan untuk kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah.

### *Bagaimana untuk menggunakan semburan:*

- a) Hembus hidung perlahan-lahan untuk membersihkan lubang hidung.
- b) Goncang botol dengan perlahan.
- c) Untuk kegunaan kali pertama, pegang botol secara menegak dan tekan muncung semburan ke bawah dan lepaskan sebanyak 5 kali, sehingga semburan halus dihasilkan.
- d) Tutup salah satu lubang hidung dengan satu jari. Pegang botol secara menegak dan masukkan muncung semburan ke dalam lubang hidung setakat yang selesa. Tarik nafas secara perlahan-lahan melalui hidung dengan mulut ditutup, tekan botol untuk satu semburan.
- e) Hembus nafas melalui mulut.
- f) Ulangi langkah d) dan e) pada lubang hidung yang lain.
- g) Untuk kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas, langkah d), e) dan f) perlu diulangi sekali lagi untuk mencapai dos yang disyorkan iaitu 2 semburan ke dalam setiap lubang hidung.
- h) Lap muncung semburan dengan tisu bersih setiap kali selepas digunakan untuk memastikan ia bersih dan tutup dengan penutup.

Jika semburan hidung tidak digunakan selama 2 minggu atau lebih, ia perlu disembur sekali ke udara sebelum digunakan. Muncung semburan perlu dihalakan ke arah yang selamat ketika melakukan ini. Sentiasa goncang botol dengan lembut sebelum digunakan.

Jangan sekali-kali cuba untuk membuka sekatan atau membesarlu lubang semburan dengan pin atau objek tajam yang lain kerana ini akan merosakkan mekanisma semburan. Jika semburan tidak berfungsi dan mungkin tersekat, bersihkan seperti berikut;

### *Bagaimana untuk membersihkan semburan:*

- a) Tanggalkan penutup dan tarik muncung semburan sahaja.
- b) Rendamkan penutup-habuk dan muncung semburan dalam air suam selama beberapa minit, dan kemudian bilas di bawah air sejuk yang mengalir.
- c) Goncang atau ketuk keluarkan air yang berlebihan dan biarkan kering dengan udara.
- d) Masukkan semula muncung semburan.
- e) Tekan muncung semburan sehingga semburan halus dihasilkan dan gunakan seperti biasa.

Semburan hidung perlu dibersihkan sekurang-kurangnya sekali seminggu atau lebih kerap jika ia tersekat.

### *Bila perlu digunakan*

Iikut kesemua nasihat yang diberikan oleh doktor & ahli farmasi anda dengan teliti. Ini kerana ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

***-Berapa lama perlu digunakan***  
Perubahan boleh dilihat pada hari pertama rawatan, dan secara amnya, ia mengambil masa satu minggu rawatan untuk mencapai manfaat maksimum. Penilaian awal hendaklah dibuat dalam tempoh masa ini dan dari semasa ke semasa sehingga gejala menjadi lebih stabil.

Jika tiada perubahan selepas 3 minggu rawatan, penggunaan NASONIDE NASAL SPRAY harus dihentikan.

Jikalau anda tidak pasti berapa lama anda perlu menggunakan

NASONIDE NASAL SPRAY, sila periksa dengan doktor anda. Jika tiada perubahan atau bertambah teruk, hubungi doktor anda.

### *-Jika terlupa menggunakan*

Sila gunakan ubat ini seperti mana yang ditetapkan oleh doktor anda kerana ini adalah penting. Jika anda terlupa untuk mengambil ubat ini, sila mengambilnya sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir tempoh untuk pengambilan seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos mengikut jadual biasa anda. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### *-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Tiada maklumat yang boleh didapati mengenai pengambilan berlebihan kortikosteroid melalui hidung. Sesetengah orang mungkin mengalami masalah gastro-usus jika diambil secara oral (dengan mulut).

Jika anda mengesyaki anda terlebih dos, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Sila bawa ubat ini dengan anda.

### **Semasa menggunakan NASONIDE NASAL SPRAY**

#### *-Perkara yang perlu dilakukan*

Hembus hidung perlahan-lahan untuk membersihkan lubang hidung. Goncang botol dengan perlahan. Jika anda hendak bermula dengan ubat yang baru, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan NASONIDE NASAL SPRAY.

#### *-Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan meneruskan penggunaan NASONIDE NASAL SPRAY jika anda mengalami kerengsaan atau sensitisasi selepas menggunakan ubat ini.

# NASONIDE NASAL SPRAY

Triamcinolone Acetonide 55mcg/dose

Jangan memberikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda. Penggunaan ubat ini mungkin membahayakan orang lain sekiranya diguna tanpa nasihat doktor.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Oleh kerana kortikosteroid boleh membantu proses penyembuhan luka pada pesakit yang pernah mengalami ulcer pada hidung, pembedahan hidung atau trauma, NASONIDE NASAL SPRAY harus digunakan dengan berhati-hati sehingga luka telah sembah.

Ubat ini hanya untuk kegunaan hidung sahaja. Ubat ini tidak boleh digunakan pada mata atau sekitar mata. Jika ini berlaku, cuci mata anda dengan pencuci mata secepat mungkin. Jika anda mula mempunyai masalah dengan penglihatan atau terasa sakit di bahagian mata, hubungi doktor anda dengan segera.

Jangan telan ubat ini. Kuantiti yang kecil mungkin tidak akan menyebabkan apa-apa kemudaran. Jika anda tidak sengaja menelan dalam kuantiti yang lebih besar, sila hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, NASONIDE NASAL SPRAY boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Kesan sampingan yang selalu dilaporkan ialah;

- Rinitis (radang membran mukus hidung akibat tindak balas alahan)
- Sakit kepala
- *Pharyngitis* (Keradangan bahagian farinks- bahagian salur makanan yang terletak di antara mulut dan esofagus)

Gangguan pernafasan:

- *Epistaxes* (hidung berdarah)
- Kerengsaan hidung
- Membran mukus hidung kering
- Hidung berhingus dan kerap bersin.
- *Nasal septal perforations* - struktur tulang rawan dan tulang nipis antara lubang hidung yang memisahkan rongga hidung berlubang (jarang-jarang).

Masalah kulit; tindak balas alergi yang jarang berlaku:

- Ruam
- Urtikaria (Ruam gatal yang timbul akibat tindak balas alahan)
- *Puritus* (Gatal-gatal yang teruk)
- Muka Bengkak

Kesan sistemik (yang memberi kesan kepada seluruh tubuh) penggunaan kortikosteroid pada hidung boleh berlaku, terutamanya apabila dos yang ditetapkan adalah tinggi untuk tempoh yang berpanjangan.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang tiada dalam risalah ini, sila berjumpa doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan NASONIDE NASAL SPRAY**

##### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan botol dalam keadaan tegak.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

##### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan

atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna produk  
NASONIDE NASAL SPRAY adalah ampaian yang berwarna putih legap dan sedikit likat.

NASONIDE NASAL SPRAY terdapat dalam 15ml botol plastik semburan bermeter.

#### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:  
Setiap botol mengandungi *Triamcinolone Acetonide 55mcg/dose*.

-Bahan-bahan tidak aktif:  
*Benzalkonium Chloride, Microcrystalline Cellulose, Carboxymethyl Cellulose Sodium, Disodium Eddate, Hydrochloric Acid, Dextrose Anhydrous, Polysorbate 80, Purified Water.*

-Nombor MAL:  
MAL11055001A

#### **Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**  
HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
-16/03/2015

**Nombor siri**  
BPFK(R4/1)160315/00042